

Kumpulan Nasyid Zafreen menang dalam Festival Belia Islam 2017



Kuala Lumpur, 8 Mac- Kumpulan Nasyid Baraqah Beggars iaitu Zafreen dari Sekretariat Kebudayaan & Kesenian Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi hati juri dan dinobatkan naib johan dengan membawa pulang wang tunai RM700, cenderamata dan sijil dalam Pertandingan Nasyid IPT sempena Festival Belia Islam anjuran Universiti Malaya baru-baru ini. Johan dimenangi oleh Kumpulan Fawwaz dari Universiti Malaya (UM) dan tempat ketiga adalah Humaira dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pegawai Kebudayaan UMP, Noor Afiza Mohd. Sani berkata, universiti mencalonkan dua kumpulan iaitu Zafreen dan Das Wahdat Voice. Pertandingan nasyid dihakimi oleh tiga orang juri jemputan yang diketuai oleh Dakmie, penyanyi dan pemuzik tanahair. Pencapaian ini menjadi batu loncatan kepada kumpulan nasyid UMP terus maju mencipta kejayaan sekaligus mengharumkan nama UMP.

Bagi ketua kumpulan Zafreen, Ahmadkamalimran Mohd Zuber, pelajar tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal tidak menyangka meraih kejayaan ini kerana banyak dugaan yang dilalui sepanjang pertandingan dan memerlukan perubahan di saat-saat akhir. Beliau yang merupakan penyanyi solo kumpulan ini menghargai sokongan pihak universiti yang memberi peluang mengetengahkan bakat mereka. "Kejayaan ini katanya turut membawa semangat dua orang sahabat yang sepatutnya menyertai pertandingan ini namun terlibat dalam kemalangan," katanya.



Sementara itu, Mohamad Anis Firdaus Mohd Jazlan merupakan mahasiswa tahun 1 dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang pertama kali menyertai pertandingan mewakili universiti menyifatkan pertandingan ini sesuatu yang mencabar

kerana persembahan nasyid itu sendiri telah melalui fasa transformasi apabila dimodenkan melalui muzik dan gaya persembahan. Ianya sesuatu yang positif dan boleh menarik minat belia hari ini untuk meminati genre nasyid. Di samping itu, sekiranya berlaku kelemahan dan kesilapan teknikal ketika persembahan berlangsung, mereka dapat melatih diri untuk bersikap profesional.

Turut sama hadir menyokong penglibat kumpulan nasyid adalah alumni UMP iaitu Adzzif Shazreel Azman yang merupakan Jurutera Pentauliahan Perisian di sebuah syarikat swasta di Petaling Jaya, Selangor. Beliau memuji persembahan kumpulan universiti sungguhpun pertama kali mereka menyertai pertandingan. Katanya, persembahan mereka kelihatan kemas dan mempunyai kawalan suara yang bagus namun perlu terus bersemangat menjalani latihan secara konsisten agar terus mengecapi cemerlang pada masa akan datang.

Disediakan oleh Noor Afiza Mohd. Sani dari Pusat Sukan dan kebudayaan UMP dan Suntingan Bahagian Komunikasi Koporat

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 29-03-2017, 14:53:43